

## Tok Pa dianugerah Ijazah Doktor Kehormat AeU

Oktober 7, 2023 @ 7:05pm



Syed Hamid Albar (kiri) menyampaikan Ijazah Doktor Kehormat kepada Mustapa pada majlis Konvokesyen AeU ke-12 di WTCKL hari ini. Foto Bernama

KUALA LUMPUR: Bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed dianugerahkan Ijazah Doktor Kehormat dalam Kepimpinan sempena majlis Konvokesyen ke-12 Asia e University (AeU) hari ini.

Beliau menerima Ijazah Doktor Kehormat itu daripada Canselor AeU, Tan Sri Dr Syed Hamid Albar sebagai pengiktirafan atas perkhidmatan cemerlangnya kepada negara dan universiti.

Naib Canselor AeU, Prof Tan Sri Dr Nik Mustapha Raja Abdullah, berkata Mustapa berkhidmat sebagai Menteri Pengajian Tinggi dari 2006 hingga 2008 dan memainkan peranan penting dalam memperjuangkan penubuhan AeU pada 2007 mengikut Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996.

"Tandatangan beliau dicetak pada dokumen penubuhan AeU, menandakan peranan penting beliau dalam penubuhan institusi kami," katanya selepas majlis itu di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) hari ini.

Sementara itu, Mustapa berkata, penganugerahan Ijazah Doktor Kehormat itu membuktikan bukan saja kepada usaha peribadi beliau, tetapi juga kepada potensi transformatif pendidikan dalam landskap negara yang dinamik dan tidak menentu.

"Saya terbabit dengan AeU sejak Julai 2006 ketika memegang jawatan Menteri Pengajian Tinggi. Pada tahun itu, Prof Datuk Dr Ansary Ahmed (pengasas Presiden AeU) memberi taklimat kepada saya mengenai cadangan penubuhan universiti ini.

"Kertas cadangan (universiti) sebelum itu diterima pada mesyuarat Menteri-Menteri Dialog Kerjasama Asia (ACD) ke-5 di Doha, Qatar, pada Mei dan dibentangkan Menteri Luar, Tan Sri Dr Syed Hamid Albar, yang kini Canselor AeU dan surat jemputan rasmi penubuhan universiti ditandatangani oleh saya, diserahkan kepada Ansary pada Januari 2007," katanya mengingati kembali peristiwa itu.

Beliau merakamkan penghargaan kepada Ansary dan pasukannya atas pandangan jauh dan visi mereka menubuhkan universiti digital pada 2006 dan kini selepas 16 tahun penubuhannya, lebih 15,000 pelajar dari lebih 35 negara lulus dengan pencapaian luar biasa.

Pada konvokesyen itu, 1,919 pelajar lulusan akademik menerima skrol masing-masing, membabitkan 30 ijazah kedoktoran, 18 ijazah doktor pentadbiran perniagaan, 922 ijazah sarjana, tiga sarjana eksekutif, 507 ijazah sarjana muda, 56 diploma dan lima program asasi antarabangsa. – BERNAMA